



31 Disember 2025  
31 December 2025  
P.U. (A) 471

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN  
(KURIKULUM PRASEKOLAH KEBANGSAAN)  
(PINDAAN) 2025

*EDUCATION (NATIONAL PRE-SCHOOL CURRICULUM)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (KURIKULUM PRASEKOLAH KEBANGSAAN)  
(PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan) (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan) 2002 [P.U. (A) 519/2002], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 3(2), dengan memasukkan selepas perkataan “Kurikulum Prasekolah Kebangsaan” perkataan “yang terdiri daripada Dokumen Kurikulum Prasekolah dan Dokumen Kurikulum Prasekolah Pendidikan Khas”.

**Pindaan peraturan 6**

3. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “memaklumkan” dengan perkataan “mendapatkan kelulusan bertulis daripada”.

**Peraturan baharu 6A**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6 peraturan yang berikut:

**“Bahasa kebangsaan**

6A. Menurut seksyen 23 Akta, jika suatu tadika menggunakan bahasa selain bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar, bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan dengan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.”.

### **Pindaan peraturan 7**

5. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Seseorang guru hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu rekod yang mana hendaklah direkodkan olehnya pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang diajarkan pada minggu semasa dan sukatan pelajaran yang akan diajarkan pada minggu berikutnya tidak lewat daripada hari akhir persekolahan setiap minggu dalam suatu penggal persekolahan, dan rekod itu hendaklah disediakan dengan serta-merta untuk pemeriksaan oleh Ketua Pendaftar.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Dalam peraturan ini, “sukatan pelajaran” ertinya suatu pernyataan mengenai perkara yang akan diajarkan kepada murid di tadika mengikut Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.”.

### **Penggantian Jadual**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL  
[Peraturan 6]

### **BORANG PERMOHONAN BAGI KELULUSAN KURIKULUM TAMBAHAN KEPADA KURIKULUM PRASEKOLAH KEBANGSAAN**

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan


Saya, .....  
No. KP ..... dengan ini mengemukakan permohonan untuk melaksanakan kurikulum tambahan kepada Kurikulum Prasekolah Kebangsaan di (nama tadika) .....  
No. Perakuan Pendaftaran ..... yang beralamat di .....  
.....  
.....  
.....

2. Bersama-sama ini dilampirkan:

- (a) satu salinan Borang Maklumat Kurikulum Tambahan; dan
- (b) satu salinan kandungan bagi kurikulum tambahan yang mengandungi maklumat yang berhubungan dengan objektif pembelajaran, rancangan aktiviti pembelajaran harian/mingguan/bulanan, hasil pembelajaran dan kaedah pentaksiran.

*(Nota: Salinan Borang Maklumat Kurikulum Tambahan dan salinan kandungan bagi kurikulum tambahan hendaklah dilampirkan secara berasingan jika permohonan itu melibatkan lebih daripada satu (1) kurikulum tambahan.)*

.....  
(Tandatangan Pengerusi  
Lembaga Pengelola/Guru Besar)



Cap Rasmi  
Tadika

Nama : .....  
No. KP : .....  
Tarikh : .....

**BORANG MAKLUMAT KURIKULUM TAMBAHAN**

**BAHAGIAN I**

Maklumat Tadika

Nama tadika : .....

No. Perakuan Pendaftaran : .....

Alamat tadika : .....

.....

.....

**BAHAGIAN II**

Maklumat Kurikulum Tambahan

1. Nama kurikulum : .....

2. Bahasa pengantar : .....

3. Jumlah jam seminggu : .....

4. Sumber kurikulum : *Sila tanda (✓) pada kotak yang berkenaan*


Dibangunkan atas inisiatif sendiri

Francais

Lain-lain (nyatakan): .....

.....

(Tandatangan Pengerusi  
Lembaga Pengelola/Guru Besar)



Cap Rasmi  
Tadika

Nama : .....

No. KP: .....

---

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Keputusan Ketua Pendaftar:

Diluluskan

Tidak diluluskan

Catatan:

.....  
.....  
.....

.....  
(Tandatangan Ketua Pendaftar)

....."  
Tarikh

Dibuat 30 Disember 2025  
[KPM.BPPDP.S.100-6/3/8/PN; PN(PU2)569/JLD.16]

FADHLINA BINTI SIDEK  
*Menteri Pendidikan*

EDUCATION ACT 1996

EDUCATION (NATIONAL PRE-SCHOOL CURRICULUM)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 24 of the Education Act 1996 [Act 550], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Education (National Pre-school Curriculum) (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2026.

**Amendment of regulation 3**

2. The Education (National Pre-school Curriculum) Regulations 2002 [P.U. (A) 519/2002], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 3(2), by inserting after the words “National Pre-school Curriculum” the words “which comprises the Pre-school Curriculum Document and the Special Education Pre-school Curriculum Document”.

**Amendment of regulation 6**

3. Regulation 6 of the principal Regulations is amended by substituting for the word “notify” the words “obtain the written approval of”.

**New regulation 6A**

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 6 the following regulation:

**“National language**

6A. Pursuant to section 23 of the Act, where a kindergarten uses a language other than the national language as the medium of instruction, the national language shall be taught by using the National Pre-school Curriculum in the manner determined by the Registrar General.”

**Amendment of regulation 7**

5. Regulation 7 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) A teacher shall keep and maintain a record in which he shall record the teaching and learning of the National Pre-school Curriculum taught during the current week and the syllabus to be taught in the following week not later than the last schooling day of each week of a schooling term, and such record shall be made available immediately for inspection by the Registrar General.”; and

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) In this regulation, “syllabus” means a statement of matters to be taught to pupils in kindergartens in accordance with the National Pre-school Curriculum.”.

**Substitution of Schedule**

6. The principal Regulations are amended by substituting for the Schedule the following schedule:

“SCHEDULE  
[Regulation 6]

**APPLICATION FORM FOR APPROVAL OF ADDITIONAL CURRICULUM TO  
NATIONAL PRE-SCHOOL CURRICULUM**

Registrar General of Educational Institutions and Teachers  
Ministry of Education

I, .....  
IC No. .... hereby submit an application to  
implement an additional curriculum to the National Pre-school Curriculum at

(name of kindergarten) .....

Certificate of Registration No. .... with an address at

.....  
.....  
.....


2. Attached herewith:

(a) a copy of the Additional Curriculum Information Form; and

(b) a copy of the content of the additional curriculum containing information relating to learning objectives, daily/weekly/monthly learning activity plans, learning outcomes and assessment methods.

*(Note: The copy of the Additional Curriculum Information Form and the copy of the content of the additional curriculum shall be attached separately where the application involves more than one (1) additional curriculum.)*

.....  
(Signature of Chairman  
of the Board of Governors/Head Teacher)



Official Stamp of  
Kindergarten

Name : .....

IC No. : .....

Date : .....

**ADDITIONAL CURRICULUM INFORMATION FORM**

**PART I**

Kindergarten Information

Name of kindergarten : .....

Certificate of Registration No. : .....

Kindergarten address : .....

.....

.....

**PART II**

Additional Curriculum Information


1. Name of curriculum : .....
2. Medium of instruction : .....
3. Total hours weekly : .....
4. Source of curriculum : *Mark (✓) in the appropriate box*

Developed by own initiative

Franchise

Others (specify): .....

.....  
(Signature of Chairman  
of the Board of Governors/Head Teacher)



Official Stamp of  
Kindergarten

Name : .....

IC No. : .....

---

**FOR OFFICE USE**

Decision of the Registrar General:

Approved

Not Approved

Notes:

.....  
.....  
.....

.....  
(Signature of Registrar General)

..... " .  
Date

Made 30 December 2025  
[KPM.BPPDP.S.100-6/3/8/PN; PN(PU2)569/JLD.16]

FADHLINA BINTI SIDEK  
*Minister of Education*